



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**TYT TUN DATO' SERI UTAMA AHMAD FUZI BIN HAJI ABDUL RAZAK
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG**

HARI UCAPAN PENANG FREE SCHOOL KALI KE-208 TAHUN 2024

**PADA 21 OKTOBER 2024 (ISNIN) JAM 8.15 PAGI
DI DEWAN SEKOLAH PENANG FREE SCHOOL**

Bismillahirahmanirrahim

YB Tuan Saniswara Nethaji Rayer a/l Rajaji

Ahli Parlimen Jelutong,

YBhg Tuan Haji Roland @ Rozaidi bin Abu Hassan

Timbalan Pengarah Pendidikan Sektor Pembelajaran

Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang,

YBhg Dr. Mohd Siroj bin Abdul Lathiff

Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Sektor Perancangan

Pejabat Pendidikan Daerah Timur Laut,

YBrs Tuan Syed Sultan bin Shaik Oothuman

Pengetua Penang Free School,

YBhg Dr Tan Gaik Cheng

Wakil Bekas Pelajar Penang Free School,

Yang Berusaha Pn Rabikha Hasni binti Suparman

Yang DiPertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Penang Free School,

YBhg. Dato'-Dato' dan Datin-Datin,

Tuan-tuan dan Puan-Puan,

Para pelajar, hadirin dan hadirat sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan kehadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan izin dan inayah-Nya, kita dapat bersama-sama menghadiri Hari Ucapan Penang Free School Kali Ke-208 Tahun 2024 pada pagi yang mulia ini.

2. Ucapan syabas dan tahniah saya tujuhan kepada seluruh warga kerja sekolah yang telah bertungkus-lumus menjayakan majlis tahunan yang gemilang ini bagi meraikan pelajar-pelajar cemerlang sekolah ini. Sesungguhnya kegemilangan majlis ini mencerminkan komitmen tinggi warga sekolah yang gigih tanpa mengenal penat lelah dalam usaha melonjak lagi martabat Penang Free School (PFS) yang terkenal ini.

3. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada barisan Pemegang Amanah Penang Free School yang baru dilantik pada 20 September 2024. Diharapkan, barisan kepimpinan baru ini dapat melaksanakan tugas mengenai hal ehwal kebajikan pelajar dengan penuh dedikasi dan bertanggungjawab, di samping mewujudkan persekitaran pembelajaran sekolah yang lebih kondusif.

Hadirin dan hadirat sekalian,

4. Sebagaimana kita sedia maklum, Penang Free School kini telah pun berusia 208 tahun sejak ditubuhkan pada 21 Oktober 1816 oleh Robert Sparke Hutchings.

Sejak itu, dunia telah melalui pelbagai peristiwa dan perkembangan penting termasuk revolusi industri di Eropah, kejatuhan kuasa besar serta kolonialisme, Perang Dunia Pertama dan Kedua, ‘*The Great Depression*’, pembangunan industri elektrik dan elektronik (E&E) sehingga ke kemunculan era digital dan kecerdasan buatan (AI) pada hari ini.

5. Dalam tempoh tersebut, Penang Free School tetap berdiri teguh dan megah dalam melahirkan ratusan ribu ‘Old Frees’ yang hebat, yang telah berjasa kepada pembangunan negara dalam pelbagai lapangan.

6. Saya rasa warga pendidik serta pelajar PFS berhak berasa bangga dengan kekayaan sejarah, tradisi serta kemegahan sekolah ini. Namun, reputasi ini haruslah dikekalkan melalui usaha gigih serta komitmen tinggi yang berterusan oleh semua pihak bagi memajukan lagi sekolah ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

7. Sebagai salah sebuah sekolah terulung di negeri ini, adalah penting intipati Dasar Pendidikan Negara dan Falsafah Pendidikan Negara terus dijunjung untuk memupuk perpaduan kaum dan melahirkan rakyat yang berilmu, seimbang dan harmoni.

Semua pihak yang terlibat patut berperanan bagi memastikan pengwujudan sistem pendidikan berkualiti yang menjadi teras pembangunan lestari. Justeru, fokus utama harus diberikan ke atas usaha memperkasakan pendidikan digital serta bidang kecerdasan buatan (AI) yang pantas berkembang dan kini menjadi semakin penting.

8. Mutakhir ini, situasi keciciran pembelajaran telah menjadi perhatian di peringkat nasional apabila 25,735 pelajar tidak layak menerima Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada penggal 2023 manakala 10,160 orang pelajar pula tidak hadir peperiksaan SPM. Perihal ini amat mendukacitakan kerana ia merencatkan agenda pembangunan modal insan yang menjadi aset penting kepada kemakmuran ekonomi negara. Justeru, tindakan sewajarnya termasuk usaha secara kolektif harus diambil di peringkat awal sekolah bagi memastikan isu ini tidak merebak menjadi barah.

Hadirin dan hadirat sekalian,

9. Di kesempatan ini, saya ingin menyeru warga pendidik sekolah ini agar meneruskan tugas masing-masing sebagai satu ibadah yang mulia bagi mendidik pelajar sebagai pewaris negara yang seimbang dari aspek duniawi dan ukhrawi sejajar dengan transformasi ke arah pembangunan negara MADANI.

Perlu disedari, pembinaan jati diri dan keterampilan bangsa Malaysia hanya mampu diteguhkan melalui sistem pendidikan yang seimbang.

10. Saya yakin dan percaya, warga pendidik Penang Free School, dengan sokongan dan bimbingan ibu bapa berkenaan, mampu menggilap bakat generasi muda sekolah ini sebagai bakal harapan negara untuk merangkul pelbagai kejayaan di masa hadapan, dan sekali gus mengharumkan nama Penang Free School di persada negara.

11. Kepada pelajar-pelajar sekalian, sukacita saya menyeru agar anda semua terus membekalkan diri dengan ilmu pengetahuan sebagai penyuluhan jalan kehidupan di masa hadapan. Semaikan peribadi baik, berjiwa besar dan berakhlak mulia agar anda semua sentiasa dipandang tinggi oleh masyarakat dan menjadi harapan keluarga serta kebanggaan ibu bapa. Dalam masa yang sama, teruslah menghormati dan menghargai sumbangan para guru anda yang penuh berjasa.

12. Adalah menjadi harapan saya agar pencapaian akademik terutamanya prestasi SPM dijadikan fokus utama untuk Penang Free School menempatkan nama dalam senarai sepuluh (10) sekolah terbaik pencapaian dalam SPM di negeri Pulau Pinang pada tahun 2024 ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

13. Di kesempatan ini juga, saya mengalu-alukan inisiatif Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang dalam memperkenalkan *tagline* ‘Peneraju Transformasi Pendidikan Digital’ serta penetapan sasaran semua sekolah di negeri ini dilengkapi dengan ‘*smart board*’. Sebagai menyokong inisiatif ini, pihak Yayasan Amal TYT Pulau Pinang, berbesar hati menyelaraskan sumbangan sebanyak lima (5) unit *smart board* untuk kegunaan pelajar di sekolah ini. Adalah diharapkan, sumbangan kecil ini dapat menjadi pemangkin kepada usaha yang lebih besar bagi melengkapkan setiap kelas di sekolah ini dengan peralatan pembelajaran berteknologi tinggi seiring dengan tuntutan arus perdana.

14. Saya juga ingin mencadangkan agar penggunaan Makmal Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) di sekolah ini dimaksimakan sejajar dengan usaha menggalakkan minat pelajar dalam bidang STEM. Sebagai ‘*Silicon Valley of the East*’, adalah amat merugikan sekiranya pelajar tidak merebut peluang kerjaya yang terbuka luas dalam bidang elektrik dan elektronik (E&E) yang telah bertapak kukuh di negeri ini.

Justeru, ingin saya sarankan agar usaha sama sewajarnya dijalankan di antara sekolah ini dengan Persatuan STEM Kebangsaan Malaysia, Penang STEM Sdn. Bhd., Digital Penang, Penang Institute dan Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) dalam merangka program pembelajaran STEM yang diperlukan untuk manfaat pelajar PFS seluruhnya.

Hadirin dan hadirat sekalian,

15. Akhir kata, sekalung tahniah diucapkan kepada semua penerima anugerah kecemerlangan pada hari ini. Kejayaan yang dicipta hasil usaha gigih anda wajar diberikan pengiktirafan dan penghargaan sebagai pembakar semangat kepada pelajar-pelajar lain. Ingatlah bahawa tiada kejayaan semanis madu tanpa usaha sepahit hempedu. Justeru, tingkatkanlah usaha serta tekad anda demi kepentingan agama, bangsa dan negara.

16. Dengan ini, dan dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan Hari Ucapan Penang Free School Kali Ke-208 Tahun 2024 yang bertemakan “PFS Pendukung Aspirasi Digital Negara”.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.